

SULUK DAN PENGHAYATAN TASAWUF TOK SELEHOR @ SELEHONG

Riduan Makhtar
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
riduan@kuis.edu.my

Dr. Khairatulakmar Ab Latif
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Dr. Norfazila Ab Hamid
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abd Ganing Laengkang
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Makalah ini membicarakan tentang salah seorang tokoh besar Negeri Kelantan iaitu Tok Selehor @ Tok Selehong atau nama sebenar beliau adalah Haji Abdul Rahman bin Haji Osman bin Senik. Objektif utama makalah ini adalah bagi meneliti dan menghuraian penggunaan dan kepentingan suluk dan penghayatan tasawuf oleh Tok Selehor. Pendekatan yang digunakan oleh beliau iaitu menguzlahkan diri daripada dunia luar melalui bersuluk telah memberikan kesan yang sangat baik kepada hati manusia. Hasil dapatan menunjukkan bahawa, suluk dan penghayatan tasawuf yang diamalkan oleh Tok Selehor sangat memberi kesan kepada pendidikan hati dan seterusnya telah menjadikan beliau seorang yang warak, alim dan terdidik hatinya dalam mendekati diri kepada Allah SWT. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa, penggunaan pendekatan yang digunakan oleh Tok Selehor iaitu menggunakan suluk bagi mentarbiah diri beliau terbukti sangat berkesan dan berjaya.

Kata kunci: *Tok Selehor, suluk, tasawuf, uzlah, Alam Melayu*


Pendahuluan

Negeri Kelantan merupakan salah satu daripada 13 buah negeri di bawah Malaysia yang memiliki keluasan 14, 922 kilometer persegi atau 1,492,200 hektar. Menurut Abdul Razak Mahmud (2015), nama Kelantan bergelar 'Darul Naim' atau *Negeri Penuh Nikmat* telah dicadangkan oleh Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada Julai 1916. Menurut Salleh Mohd Akob (2016) pula, Negeri Kelantan terkenal dengan panggilan Tanah Serendah Sekebun Bunga Cerang Tegayong, Negeri Che Siti Wan Kembang dan negeri yang mempunyai perkembangan syiar

Islam. Oleh sebab itulah Negeri Kelantan diberi nama sebagai Negeri Serambi Mekah kerana mahsyur dengan pusat penyebaran agama Islam. Negeri ini kaya dengan kepelbagaian budaya dan juga memiliki kepadatan penduduk melebihi 1,287,367 orang.

Negeri Kelantan mempunyai 10 buah daerah iaitu Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah, Machang, Pasir Putih, Bachok, Kuala Krai, Jeli, dan Gua Musang. Daerah yang memiliki keluasan paling luas adalah daerah Gua Musang iaitu berkeluasan 810, 400 hektar manakala daerah yang meempunyai keluasan paling kecil merupakan daerah Bachok iaitu 26, 400 hektar. Jumlah keluasan negeri Kelantan adalah 1, 492, 200 hektar atau 15, 104. 62 km² (Jabatan Perangkaan Malaysia 2015).

Menurut senarai Majlis Agama Islam Kelantan (2009), terdapat 40 buah mukim di seluruh Negeri Kelantan. Daerah bagi pentadbiran tanah jajahan ini adalah sebanyak 7 buah iaitu Daerah Wakaf Bharu, Tumpat, Kebakat, Sungai Pinang, Terbak, Pengkalan Kubur, dan Daerah Jal Besar. Kampung Selehor terletak di dalam Daerah Tumpat. Setiap daerah akan diketuai oleh seorang penggawa yang beribu pejabat di Majlis Daerah Tumpat. Tugas penggawa adalah menjaga kawasan kampung. Peta 1 di bawah menunjukkan kedudukan negeri Kelantan yang berada berhampiran Laut China Selatan dan berjiranan dengan negeri perak, Terengganu, dan Pahang serta terpisah dengan Selatan Thailand pada bahagian atasnya.



Peta 1 : Negeri Kelantan

Sorotan Dan Permasalahan Kajian

Kewujudan tokoh-tokoh ulama Alam Melayu telah pun bermula sejak sekian lama lagi. Bermula daripada utara tanah air iaitu Selatan Thailand (Pattani) sehingga tersebar ke seluruh Nusantara yang meliputi Malaysia dan Indonesia telah mengangkat ilmu dan syiar Islam. Kewujudan tokoh-tokoh ulama ini telah mendapat perhatian ahli akademik dan pengkaji bagi meneliti dan memahami sejarah, keilmuan, pendidikan ulama-ulama dahulu daripada semua aspek.

Antara tokoh ulama yang wujud di Alam Melayu adalah Tok Selehor@Selehong. Kewujudan Tok Selehor telahpun dirungkaikan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini dari beberapa aspek seperti Ismail Che Daud (2012) dan Salleh Mohd Akib (2016). Kajian yang dilakukan oleh Ismail Che Daud (2012) yang telah ditulis dalam buku bertajuk Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1). Manakala Salleh Mohd Akib (2016) hanyalah penulisan secara sepintas lalu berkenaan dengan Tok Selehor iaitu penulisan beliau hanyalah berkisar tentang makam dan pondok Tok Selehor. Kedua-dua penulis ini telah meneliti beberapa aspek yang dianggap juga penting oleh penulis dalam mengetengahkan asal-usul dan kelebihan-kelebihan Tok Selehor. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang tidak disentuh oleh pengkaji sebelum ini seperti karya atau hasil penulisan Tok Selehor.

Objektif Kajian

Bertitik tolak daripada sorotan kajian dan permasalahan kajian yang dihuraikan, maka terdapat beberapa kelompangan kajian yang boleh diisi dan seterusnya dijadikan objektif dalam penulisan ini. Antara objektif utama adalah; menghuraikan jenis suluk dan penghayatan tasawuf Tok Selehor.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

a) Biodata Tok Selehor

Menurut Ismail Che Daud (2012), nama penuh Tok Selehong adalah Haji Abdul Rahman bin Haji Osman bin Senik. Beliau dilahirkan di Kampung Lubok Jong, di pinggir Sungai Selehong. Ibunya bernama Mek Wi binti Muhammad Amin. Beliau dibesarkan di pinggir Sungai Selehong. Menurut perkiraan murid-muridnya, Tok Selehong dilahirkan pada tahun 1289 H dan 1 Muharram 1289 bersamaan dengan 11 Mac 1872 Masihi. Bapa beliau merupakan seorang guru al-Quran dan beliau sendiri telah mendapat pendidikan awal daripada bapanya sendiri.

Menurut Ismail Che Daud (2016) di dalam buku Kisah-Kisah Sejarah Negeri Kelantan beliau telah menulis beberapa penerangan berkenaan dengan Tok Selehor. Menurut beliau, Tok Selehor pada zaman mudanya paling la'ling, tapi gemar belajar silat. Beliau merupakan seorang yang garang dan berani. Pernah suatu ketika, beliau pernah berlawan dengan seekor lembu menggunakan lembing yang menyerangnya. Pernah lapan kali bertikam di Besut, Terengganu bersama Haji Omar Berangan. Semasa umur beliau 26 tahun, beliau pergi menuntut ilmu di Pondok Cha-ok, Patani, Thailand. Dalam perjalanan pergi belajar agama, beliau bertemu dengan Awang Tunggal Buluh (ketua penjahat) dan pengikut-pengikutnya yang bercokol di tepi pantai Bukit Tanjong (Narathiwat). Sikap beliau yang berani dan sanggup mempertahankan duitnya yang bernilai 10 kupang. Beliau telah bertikam selama satu jam dan kesudahan pertarungan tersebut adalah seri kerana kedua-duanya sama-sama hebat.

Selepas beliau berguru di Patanai, beliau telah menyambung pengajian ke Makkah dan telah pulang pada tahun 1921 dan telah membuka pondok di Kampung Selehor, Tumpat Kelantan. Ramai murid Tok Selehor antara murid beliau adalah Pak Su Wel Kg. Dangar, Haji Wan Latif Wan Abdul Kadir Jerneh, Haji Muhammad Diah (Tendong), Haji Muhammad Ismail Padang Seladang, Haji Abdullah Ali Kg. Jalah, Haji Daud, Pendekar Bulat (Chabang Empat Tok Mek Ngah), Haji Abdullah Senik (Bandar Pasir Mas), Haji Muhammad Saleh Yusuf Bunohan, Haji Yaakub Ishak Berangan, Haji Che Mat yusuf Padang Upeh, Haji Yaakub Uthman Wkaf Bharu dan ramai lagi murid-murid beliau.

Tok Selehor telah membuka pondok atau pusat pengajian di Kampung Selehor. Nama beliau dikaitkan dengan kampung tersebut dan menjadikan beliau lebih dikenali sebagai 'Tok Selehor'. Makam beliau terletak di tanah perkuburan Kampung Selehor berhampiran dengan masjid dan pusat pengajian pondok Selehor Kampung Kok Pasir, Tumpat Kelantan. Gambar di bawah menunjukkan lakaran Tok Selehor.

Tok Selehor mempunyai pelbagai kelebihan dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Namun begitu, bidang ilmu yang paling diminati oleh beliau ialah ilmu tasawuf. Antara kitab tasawuf yang menjadi kegemaran beliau ialah Kitab Hikam oleh Ibn 'Ataillah yang merupakan kitab yang digunakan untuk mengajar kepada orang ramai. Pendekatan yang digunakan oleh beliau mudah menyentuh hati para pendengarnya walaupun berulang-ulang kali mendengarnya. Keadaan ini turut dinyatakan oleh Tuan Guru Hasan Ahmad, Kubang Batang 'Saya tidak pernah mendengar orang mengajar yang lebih mempesonakan lagi begitu berkesan yang dapat mengatasi kepandaian Tok Selehong'.

Menurut Salleh Mohd Akib (2016) lagi, gelaran Tok Selehong diberikan berdasarkan nama kampung tempat beliau membuka pondok mengajar agama. Makam beliau terletak di tanah perkuburan Kampung Selehor yang berhampiran dengan masjid dan pusat pengajian pondok Selehor Kampung Kok Pasir, Tumpat Kelantan. Di perkuburan tersebut terdapat sebuah lubang yang digali oleh beliau sebagai tempat beliau bersuluk (bertapa) iaitu berzikir dan melakukan amalan-amalan lain bagi mengingati Allah semasa hayatnya.



Gambar 1: Lakaran Gambar Tok Selehor @ Selehong

Perbincangan

Suluk yang dibina oleh Tok Selehor adalah berbentuk segi empat yang menyamai bentuk liang lahad tempat mengebumikan jenazah. Gambar 1 di bawah menunjukkan suluk Tok Selehor yang masih terpelihara sehingga hari ini.



Gambar 2: Pintu Utama Suluk Tok Selehor @ Selchong



Gambar 3: Suluk Tok Selehong

Suluk Tok Selehor terletak di tanah perkuburan Kampung Selehor berhampiran dengan masjid dan pusat pengajian pondok Selehor Kampung Kok Pasir, Tumpat Kelantan. Tujuan beliau membuat suluk tersebut adalah sebagai tempat beliau bersuluk (bertapa) iaitu berzikir, mengingati mati, dan amalan-amalan lain bagi mengingatkan dirinya kepada Allah. Hasil pemerhatian yang dilihat oleh penulis menunjukkan bahawa, apa yang diamalkan oleh Tok Selehor ini mempunyai persamaan dengan kaedah yang telah diterapkan oleh Imam Al-Ghazali di dalam salah satu karangan beliau iaitu Kitab Minhajul Abidin.

Berikut ini dihuraikan serba ringkas berkaitan dengan Imam al-Ghazali. Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Thusi dengan nama panggilan (Kunyah) Abu Hamid. Nama masyhur beliau ialah Al-Ghazali. Beliau dilahirkan pada tahun 450 Hijrah bersamaan dengan 1058 Masihi di Thus, sebuah bandar di Khurasan yang terletak di Iran pada hari ini. Bapa beliau telah mengamanahkan seorang rakan yang sufi untuk mengajar al-Ghazali menulis dan membaca menggunakan segala harta peninggalannya. Justeru itu, al-Ghazali belajar menulis dan membaca dengan rakan bapa beliau itu. Beliau telah meninggalkan ratusan karya dalam pelbagai bidang yang sebahagian besarnya masih boleh ditemui sehinggalah ke hari ini. Antaranya ialah bidang Tasawuf, Akidah, Fiqh dan Ushul dan

Falsafah dan Mantik. Sumbangan Imam al-Ghazali setelah kewafatan Imam al-Haramayn al-Juwaini, Imam al-Ghazali telah dilantik oleh pemerintah ketika itu untuk mengajar di Madrasah Nizamiyyah Baghdad. Beliau mengajar di sana di antara tahun 484H hingga 488H sebelum menguzlahkan diri. Akhirnya pada hari Isnin, 14 Jamadilakhir 505H bersamaan dengan 19 Disember 1111, Imam al-Ghazali menghembuskan nafasnyanya yang terakhir di Thus.

Kitab Minhajul Abidin banyak tersebar pengaruhnya di dalam jiwa penduduk atau masyarakat Melayu kerana kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang ulama Melayu Fathoni iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathoni. Nama lengkap Syeikh Daud ialah Syeikh Wan Daud Bin Syeikh Wan ‘Abdullah Bin Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik Bin Tok Wan Abu Bakar Bin Tok Kaya Pandak Bin Andi (Faqih) ‘Ali Datuk Maharajalela. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Daud Faṭani. Syeikh Daud dilahirkan pada tahun 1720M/1133H di Kampung Kerisik, Patani.⁵ Kerisik dipercayai merupakan ibu kota kerajaan Islam Patani⁶ pada abad ke-13M/7H dan 14M/8H.

Syeikh Daud meninggal dunia pada tahun 1879M/1297H,¹³ ketika berumur 159 tahun Masihi atau 164 tahun Hijriah. Beliau meninggal dunia dan dimakamkan di Taif¹⁵ berdekatan dengan kubur Sayidina ‘Abd Allāh Bin ‘Abbās sepupu Rasulullah SAW. Namun kemudiannya jenazah beliau dipindahkan ke Mekah.

Tok Selehor seorang guru pondok yang berpengalaman luas serta mahir di dalam kitab Melayu dan Arab serta turut mengajar ilmu tasauf di pondok beliau. Jadi ilmu tasauf yang terdapat pada jiwa beliau ini turut memberi kesan ke atas pengamalan tasauf melalui kaedah suluk atau uzlah.

Mengikut bagi kaedah Imam Ghazali di dalam suluk atau uzlah, terdapat empat cara yang disarankan oleh Imam Ghazali iaitu; pertamanya dengan menjauhkan diri daripada manusia. Ini dapat dilihat berlaku pada sesetengah masyarakat terdahulu yang telah mengambil jalan untuk masuk ke dalam hutan atau gua-gua semata-mata untuk beribadah kepada Allah SWT. Kaedah mengasingkan diri ini mempunyai kesannya terhadap masyarakat setempat yang berkaitan dengan hubungan sesama mereka di mana orang yang melakukan uzlah atau suluk tersebut tidak lagi bercampur dengan manusia sama ada di dalam ibadah mereka yang khas atau umum. Ibadah khusus yang dimaksudkan di sini adalah ibadah tertentu yang dilakukan oleh para salik tersebut seperti zikir-zikir manakala ibadah umum merujuk kepada ibadah yang berkaitan dengan manusia seperti solat Jumaat, solat berjemaah lima waktu dan solat hari raya serta ibadah ziarah menziarahi, ibadah qurban dan lain-lain.

Corak uzlah kedua yang disebut oleh Imam Ghazali adalah berkaitan dengan mengasingkan diri daripada manusia dan hanya bersama mereka pada waktu-waktu tertentu sahaja seperti solat berjemaah, solat Jumaat dan ibadah-ibadah yang perlu kepada masyarakat. Selain daripada itu, para salik ini akan terus mengasingkan diri bersendirian untuk beribadah kepada Allah SWT. Namun demikian, mereka masih lagi tinggal di dalam masyarakat dan tidak menjauhi mereka.

Uzlah atau suluk yang ketiga merujuk kepada sesuatu yang berlaku pada masyaikh-masyaikh terdahulu. Terdapat setengah daripada mereka tinggal di dalam kawasan Masjidil Haram akan tetapi mereka tidak bercampur dengan manusia kerana tanggungjawab serta mudarat adalah lebih besar kepada mereka semasa mereka bersama manusia lebih besar berbanding dengan pahala atau manfaat yang diperoleh oleh mereka semasa mereka bersama dengan manusia.

Suluk atau uzlah yang sedemikian masih lagi diperakui oleh Imam Ghazali tetapi dengan syarat yang ketat iaitu dengan syarat mereka itu mempunyai ilmu yang yakin terhadap situasi yang mereka hadapi. Disebabkan mereka masih tinggal di dalam masyarakat, tetapi tidak hadir bersama dengan manusia dalam melakukan ibadah khusus ataupun yang umum.

Tiga kaedah di atas adalah merupakan kaedah umum bagi manusia awam yang masih lagi perlu mengasingkan diri disebabkan natijah uzlah yang masih tidak sempurna. Manakala di sana terdapat satu lagi kaedah uzlah atau suluk yang lebih sempurna sebagaimana yang diamalkan oleh para nabi dan rasul serta solihin-solihin iaitu mereka ini beruzlah di dalam masyarakat dengan menyertai mereka di dalam semua amalan sama ada ibadah khusus ataupun umum. Inilah kaedah yang paling sempurna di dalam bab uzlah atau pun suluk. Kaedah ini adalah penggabungan antara tali perhubungan dengan manusia beserta tidak dilupakan juga tali perhubungannya dengan Allah SWT. Pendek kata, mereka ini beruzlah atau bersuluk dengan hati mereka beribadah dan tumpuan yang penuh kepada Allah SWT, manakala badan mereka adalah digunakan sepenuhnya untuk berkhidmat kepada manusia ramai. Inilah uzlah yang paling sempurna mengikut bagi Imam Ghazali.

Melihat kepada situasi yang berlaku kepada Tok Selehor, kita boleh katakan bahawasanya kaedah kedua atau keempat adalah kaedah yang diamalkan oleh Tok Selehor. Ini dapat dilihat di mana Tok Selehor mendirikan surau suluknya di tengah-tengah masyarakat serta turut sama mengajar manusia ramai melalui pondok yang telah dibangunkan. Beliau sebagai seorang guru menunjukkan kepada manusia cara hidup beragama dalam masa yang sama beliau turut turun ke padang bersama manusia. Tetapi pada waktu-waktu tertentu beliau akan turun beruzlah bersendirian di dalam tempat yang telah beliau sediakan.

Penutup

Secara kesimpulannya, pendekatan yang digunakan oleh Tok Selehor iaitu menggunakan suluk bagi mentarbiah diri beliau terbukti sangat berkesan dan berjaya. Oleh itu, kaedah ini sangat bersesuaian dan berkesan untuk digunakan oleh sesiapa pun dalam mendekati diri dan meningkatkan amal ibadah kepada Allah SWT.

Rujukan

- Abdul Razak Mahmud. 2015. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
<http://tamanulama.blogspot.com/2008/01/-selehor-ulama-zuhud-dam-pandai.html>
<http://www.telagabiru.com.my/penulis/imam-al-ghazali>
Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
Ismail Che Daud. 2012. *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
Ismail Che Daud. 2016. *Kisah-Kisah Sejarah Negeri Kelantan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
Wan Daud Wan 'Abdullah. *Minhajul Abidin*. Al-Muarif Pulau Pinang.
Salleh Mohd Akib. 2016. *Sejarah Jajahan Negeri Kelantan*. Percetakan Seasons Sdn. Bhd Kuala Lumpur.